

**NFC: Beku perbelanjaan dan panggil audit bebas, kata pemimpin Pakatan
The Malaysian Insider
21 November , 2011**

KUALA LUMPUR, 21 Nov — Kerajaan perlu membekukakan kesemua perbelanjaan dan aset selain mengadakan audit forensik oleh pihak ketiga ekoran siri pendedahan kelemahan dan dakwaan salah guna dana Projek Fidlot Kebangsaan (NFC), kata seorang pemimpin Pakatan Rakyat hari ini.

Pagi tadi tiga pemimpin PKR, komponen Pakatan Rakyat, mendedahkan kelemahan terbaru berkaitan penggunaan dana projek tersebut.

Masalah menyelubungi projek itu kali pertama didedahkan oleh Laporan Ketua Audit Negara 2010 akhir bulan lalu.

Selain tindakan membekukan perbelanjaan, kerajaan perlu menjelaskan sama ada pengurusan projek itu, yang diluluskan kira-kira lima tahun lalu, diperuntukkan dana dalam bentuk bentuk geran ataupun pinjaman mudah.

Dalam kenyataannya, Ahli Parlimen Kuala Selangor Dr Dzulkefly Ahmad berkata kerajaan perlu menjelaskan kepada umum terma dan syarat bagi pinjaman mudah bagi menentukan elemen ketidakpatuhan pengagihan yang membawa kepada pembelian hartanah dalam bentuk dua unit kondominium di Bangsar.

"Najib harus ambil tanggungjawab dan tidak boleh mengetepikan tanggungjawab," kata beliau yang juga ahli jawatankuasa kerja PAS pusat.

Rabu ini, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) dijadual memulakan inkuiri dalaman berkaitan isu NFC.

The Malaysian Insider
Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider
Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/nfc-beku-perbelanjaan-dan-panggil-audit-bebas-kata-pemimpin-pakatan/>